

27 OCT 1999

Mahathir-Wira

RAKYAT M'SIA WIRA MEMPERTAHAN KEBEBASAN NEGARA, KATA MAHATHIR

PUTRAJAYA, 27 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memberi penghargaan kepada rakyat Malaysia dengan menyifatkan mereka sebagai wira yang telah mempertahankan kebebasan negara.

Beliau berkata mereka seharusnya meneguhkan lagi perasaan sayang kepada negara serta memelihara keamanan bagi meneruskan kemajuan dan pembangunan.

Malaysia milik semua rakyat negara ini, katanya.

Selaras dengan itu, kata beliau, kerajaan sentiasa mengutamakan kepentingan semua lapisan rakyat dalam melaksanakan dasar-dasarnya untuk membangunkan negara.

"Kalau kita tidak sayang kepada negara kita, kalau kita tidak majukan negara kita, kalau kita tidak amankan negara kita, siapakah yang nak sayangkan negara kita, nak majukan negara kita, nak mempertahankan kebebasan negara kita," katanya ketika melancarkan pelekat kereta "SYABAS MALAYSIA" untuk teksi, kereta sewa dan limosin di Jabatan Perdana Menteri di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata, sokongan rakyat terhadap kerajaan untuk menangani masalah kegawatan ekonomi dengan cara sendiri, telah berjaya menjamin kebebasan Malaysia daripada pengaruh luar.

"Sebab itu kita harus berasa bernasib baik dan bersyukur kerana negara kita terus bebas 100 peratus, tak ada sesiapa yang boleh mengarah kita, menguasai kita, kita mampu membangunkan negara kita mengikut selera kita sendiri," katanya.

Majlis hari ini dihadiri lebih 1,000 pemandu dan pengusaha teksi, kereta sewa dan limosin.

Mereka turut melafazkan ikrar untuk mencintai negara, memupuk perpaduan dan keharmonian, mempertahankan negara daripada sebarang bentuk penjajahan, memerangi fitnah terhadap kerajaan dan menyokong kerajaan pimpinan Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata, kebebasan yang dinikmati oleh Malaysia sekarang membolehkan kerajaan meneruskan dasar-dasar untuk kebaikan rakyat yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama.

Di Malaysia semua lapisan rakyat menyumbang kepada pembangunan serta mendapat nikmat daripada dasar dan pembangunan negara, katanya.

Sementara golongan kaya dan peniaga besar menyumbang banyak cukai kepada kerajaan untuk digunakan bagi membantu rakyat, lapisan rakyat yang lain termasuk pemandu teksi turut memainkan peranan terutamanya kepada pembangunan industri pelancongan yang banyak menyumbang wang kepada negara.

"Umpamanya semasa perlumbaan kereta F-1 baru-baru ini, begitu ramai orang asing datang, mereka guna teksi kita, kerajaan berusaha menarik banyak pelancong kerana sumbangan mereka kepada kehidupan rakyat negara ini, sudah tentu mereka menyumbang kepada pendapatan pemandu-pemandu teksi," katanya.

Dr Mahathir berkata, Kerajaan memberi galakan kepada perkembangan industri pelancongan dengan memberi peruntukan lebih RM150 juta setahun untuk menarik lebih banyak pelancong ke negara ini.

Ia secara tidak langsung memberi nikmat kepada pemandu teksi di seluruh negara, katanya.

Katanya, kedatangan pelancong antara lain menambahkan pendapatan pemandu teksi, pendapatan hotel dan pendapatan pekerja hotel.

Pembangunan Putrajaya sebagai pusat pentadbiran baru negara dan pembangunan Menara Kembar Petronas, turut memberi keuntungan kepada banyak

pihak khususnya pemandu teksi kerana pelawat dan pelancong menggunakan perkhidmatan mereka, kata beliau.

Bagaimanapun Dr Mahathir berkata pelancong akan hanya datang ke Malaysia jika keadaan dalam negara sentiasa aman dan tenteram, dan adalah amat penting sekali keadaan dan suasana itu terus dipelihara.

"Pelancong tidak akan datang jika hari-hari ada rusuhan, demonstrasi di jalan raya, pemandu teksi akan rugi," katanya.

Perdana Menteri berkata, rakyat Malaysia hidup dalam sebuah negara yang berpegang kepada undang-undang dan sebarang masalah yang mereka hadapi akan diselesaikan secara adil oleh undang-undang.

Pemandu teksi sentiasa mendapat perhatian dan pembelaan oleh kerajaan menerusi Kementerian Pembangunan Usahawan, katanya.

"Saya tahu ada perasaan tak puas hati (pemandu teksi), tak senang hati dengan setengah daripada dasar kerajaan, tetapi niat kita bukan untuk aniaya pemandu teksi atau pengusaha teksi, kita nak mereka juga dapat banyak nikmat daripada pembangunan kita," katanya.

Beliau berkata, jika kerajaan mengeluarkan begitu banyak lesen teksi tetapi tidak ada pelancong dan tidak ada pengguna teksi, ia tidak akan bermakna sama-sekali.

"Sebab itu sementara lesen dan teksi itu penting, tetapi pengguna teksi juga penting dan kerajaan cuba memakmurkan negara kita, menarik pelancong supaya pemandu teksi dapat mencari pendapatanaan dengan penggunaan teksi oleh orang kita dan orang asing," katanya.

Dr Mahathir mengucapkan terima kasih kepada para pemandu dan pengusaha teksi kerana menyahut seruan kerajaan untuk meletakkan pelekat kereta "SYABAS MALAYSIA" itu sebagai membuktikan kepada dunia bahawa rakyat tetap sayang kepada negara walaupun mereka menghadapi pelbagai masalah.

"Kita tidak akan membuat apa-apa yang boleh merosakkan negara kita kerana kalau negara rosak, kita juga turut terima padah," katanya.

Perdana Menteri mahu rakyat negara ini termasuk pemandu teksi berasa bernasib baik menjadi rakyat Malaysia dan berbangga dengan kemajuan yang dicapai kerana ia adalah lambang kejayaan rakyat negara ini.

"Kita tak suka dihina, kita tak suka orang kata kita miskin kerana kemudahan tak ada, kita nak semua orang puji negara kita," katanya.

Pemandu teksi boleh memberitahu para pelancong asing bahawa seluruh pembangunan negara ini adalah milik rakyat Malaysia, katanya.

-- BERNAMA

AFY NMO